

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : SINAR HARIAN
TARIKH / HARI : 01 JULAI 2017 (SABTU)

RM94,000 menanti pemenang pertandingan inisiatif hijau MBSA

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) akan menganjurkan Pertandingan Anugerah Bandar Rendah Karbon Shah Alam 2017 bertujuan mengumpulkan pelaksanaan inisiatif hijau ke arah pembangunan rendah karbon di bawah kawasan pentadbiran MBSA.

Pertandingan ini melibatkan se-

mua peringkat seperti agensi kerajaan, industri, sektor korporat, institusi pengajian tinggi awam/swasta (IPTA/IPTS), sekolah rendah, sekolah menengah dan komuniti Shah Alam.

Pertandingan telah bermula pada 18 Mei lalu dan tarikh tutup penyertaan adalah pada 15 September.

Pertandingan ini terbahagi kepada empat kategori iaitu Kategori Bangunan

Rendah Karbon, Kategori Senario Rendah Karbon, Kategori Rendah Karbon dan Kategori Ikon Rendah Karbon.

Anugerah Bandar Rendah Karbon Shah Alam 2017 ini menyediakan hadiah keseluruhan berjumlah RM94,000 iaitu wang tunai berserta sijil penghargaan dan piola iringan.